



PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), mempelawa warganegara Malaysia yang memiliki ciri modal insan berilmu, berkeyakinan, berintegriti, berinovatif, berdaya kreatif, berdedikasi dan berkeperibadian cemerlang untuk mengisi kekosongan jawatan dalam pelbagai skim perkhidmatan di pusat-pusat pentadbiran MARA seluruh Malaysia. Kekosongan jawatan adalah seperti berikut:-

BIL.	JAWATAN / GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
			MINIMUM	MAKSIMUM
1.	PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (GRED DV9) BIDANG : i. KEJURUTERAAN ELEKTRONIK / TEKNOLOGI KOMPUTER ii. TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK / PEMASANGAN ELEKTRIK iii. TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PETROLEUM / LOJI iv. TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AUTOMOTIF KOMERSIAL / AUTOMOTIF (JENTERA BERAT)	PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL	RM2,470.00	RM11,110.00

BIL.	JAWATAN / GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
			MINIMUM	MAKSIMUM
	v. TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL / PEMBUATAN / MEKANIKAL (REKABENTUK) vi. TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKATRONIK vii. SENIBINA	PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL	RM2,470.00	RM11,110.00
2.	PEGAWAI EHWAL EKONOMI (GRED E9)	PEGAWAI EHWAL EKONOMI	RM2,250.00	RM11,110.00
3.	ARKITEK (GRED J9)	ARKITEK	RM2,910.00	RM11,110.00
4.	PEGAWAI UNDANG-UNDANG (GRED L9)	PEGAWAI UNDANG-UNDANG	RM2,580.00	RM11,110.00
5.	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (GRED DV5) BIDANG : i. TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK ii. TEKNOLOGI AUTOMOTIF	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL	RM1,731.00	RM6,620.00

BIL.	JAWATAN / GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
			MINIMUM	MAKSIMUM
	iii. TEKNOLOGI MEKANIKAL / PEMBUATAN / MEKANIKAL (REKABENTUK) iv. TEKNOLOGI BAIKPULIH BADAN KENDERAAN v. TEKNOLOGI MARIN vi. TEKNOLOGI BANGUNAN / KEJURUTERAAN AWAM vii. TEKNOLOGI KIMPALAN viii. TEKNOLOGI PENYEJUKAN DAN PENYAMANAN UDARA	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL	RM1,731.00	RM6,620.00
6.	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN (GRED E5) BIDANG : i. TEKNOLOGI UPHOLSTERI ii. PENGELUARAN PERABOT	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN	RM1,731.00	RM6,620.00

BIL.	JAWATAN / GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
			MINIMUM	MAKSIMUM
7.	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (GRED FA5)	PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT	RM1,650.00	RM6,620.00
8.	PENOLONG PUSTAKAWAN (GRED S5)	PENOLONG PUSTAKAWAN	RM1,650.00	RM6,620.00
9.	PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (GRED DV1) BIDANG :	PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL	RM1,561.00	RM6,620.00
	i. TEKNOLOGI AUTOMOTIF			
	ii. TEKNOLOGI BAIKPULIH BADAN KENDERAAN			
	iii. TEKNOLOGI MEKANIKAL / PEMBUATAN / MEKANIKAL (REKABENTUK)			
	iv. TEKNOLOGI PENYEJUKAN DAN PENYAMANAN UDARA			
	v. TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK			
	vi. KEJURUTERAAN ELEKTRONIK / KOMPUTER			

BIL.	JAWATAN / GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
			MINIMUM	MAKSIMUM
	vii. TEKNOLOGI UPHOLSTERI	PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL	RM1,561.00	RM6,620.00
	viii. PENGELUARAN PERABOT			
10.	JURUTEKNIK KOMPUTER (GRED FT1)	JURUTEKNIK KOMPUTER	RM1,500.00	RM4,680.00
11.	PEMBANTU KHIDMAT AM (GRED H1) BIDANG :	PEMBANTU KHIDMAT AM	RM1,500.00	RM4,680.00
	i. PEMBANTU OPERASI			
	ii. PEMANDU KENDERAAN (Keutamaan kepada calon-calon yang memiliki lesen memandu PSV Bas 7500 kg)			
12.	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK (GRED J1)	PENJAGA JENTERA ELEKTRIK	RM1,561.00	RM4,680.00
13.	PEMBANTU KESELAMATAN (GRED KP1)	PEMBANTU KESELAMATAN	RM1,500.00	RM4,680.00
14.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) (GRED N1)	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI)	RM1,500.00	RM4,680.00

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 20 FEBRUARI 2026

SYARAT UTAMA LANTIKAN

1. Warganegara Malaysia; dan
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT LANTIKAN BAGI SETIAP JAWATAN

1. **PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV9**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
 - 1.1
 - i. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Teknologi Kejuruteraan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV9 : RM2,470.00); atau
 - ii. Ijazah Sarjana Muda Ukur Tanah dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Ijazah Sarjana Muda Seni Bina, Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan atau Ijazah Sarjana Muda Ukur Bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV9 : RM2,690.00).
 - 1.2 Pembantu Pegawai Latihan Vokasional / Penolong Pegawai Latihan Vokasional / Pegawai Latihan Vokasional Gred DV5, DV6, DV7 dan DV8 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional / Penolong Pegawai Latihan Vokasional / Pegawai Latihan Vokasional Gred DV9 yang kosong apabila telah :

- i. Disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Mempunyai kelayakan di perenggan 1.1;
- iii. Lulus peperiksaan kenaikan pangkat;
- iv. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- v. Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- vi. Diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

2. PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E9
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : EKONOMI
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

- 2.1
- i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E9 : RM2,250.00); atau
 - ii. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E9 : RM2,470.00); atau
 - iii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E9 : RM2,690.00); atau
 - iv. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E9: RM3,020.00); atau
 - v. Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred E9: RM3,020.00); atau

- vi. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan dan menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E9: RM3,130.00); atau

- vii. Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred E9: RM3,240.00)

2.2 Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- i. Mempunyai kelayakan di perenggan 2.1; atau

- ii. Lulus Peperiksaan Khas; dan

- iii. Had umur pelantikan:

- a. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- b. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

- c. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

3. ARKITEK GRED J9

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

- 3.1 i. Ijazah Sarjana Muda Seni Bina / Ijazah Sarjana dalam bidang Seni Bina dengan pengiktirafan Bahagian II oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan

- ii. Berdaftar sebagai Arkitek Graduan dengan Lembaga Arkitek Malaysia. (Gaji permulaan ialah pada Gred J9 : RM2,910.00).

3.2 Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pelukis Pelan (Seni Bina) / Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA5, JA6, JA7 atau JA8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Arkitek Gred J9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- i. Mempunyai kelayakan di perenggan 3.1; atau
- ii. Lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia / Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- iii. Had umur pelantikan:
 - a. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - b. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - c. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L9

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

- 4.1 i. Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred L9 : RM2,580.00); atau
- ii. Sijil Amalan Guaman. (Gaji permulaan ialah pada Gred L9 : RM2,580.00); atau

iii. *Barrister-at-law-England*.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L9 : RM2,580.00); atau

iv. *Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England* atau *Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* daripada *Solicitor Regulation Authority*.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L9 : RM2,580.00).

4.2 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-undang atau Jurubahasa Gred LA5, LA6, LA7 atau LA8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

i. Mempunyai kelayakan di perenggan 4.1; dan

ii. Had umur pelantikan :

a. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

b. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

c. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

5. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV5

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENDIDIKAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)

5.1 i. Sijil Teknologi Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5 : RM1,731.00); atau

- ii. Sijil Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5 : RM1,731.00); atau
- iii. Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,731.00); atau
- iv. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,812.00); atau
- v. Diploma Teknologi dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5 : RM1,893.00); atau
- vi. Diploma Teknologi Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5 : RM1,893.00); atau
- vii. Diploma Kejuruteraan, Diploma Seni Bina, Diploma Ukur Bahan, Diploma Ukur Tanah atau Diploma Ukur Bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5 : RM1,974.00); atau

5.2 Pembantu Pegawai Latihan Vokasional / Penolong Pegawai Latihan Vokasional / Pegawai Latihan Vokasional Gred DV1 atau Gred DV2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional / Penolong Pegawai Latihan Vokasional / Pegawai Latihan Vokasional Gred DV5 yang kosong apabila telah :

- i. Disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Mempunyai kelayakan di perenggan 5.1; atau
- iii. Lulus Peperiksaan Kenaikan Pangkat;

- iv. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- v. Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- vi. Diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

6. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN GRED E5
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : EKONOMI
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)

- 6.1
 - i. Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred E5 : RM1,731.00); atau
 - ii. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred E5 : RM1,812.00); atau
 - iii. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred E5: RM1,893.00).
- 6.2 Pembantu Pegawai Latihan / Penolong Pegawai Latihan / Pegawai Latihan Gred E1 atau Gred E2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pegawai Latihan / Penolong Pegawai Latihan / Pegawai Latihan Gred E5 yang kosong apabila telah :
 - i. Disahkan dalam perkhidmatan;
 - ii. Mempunyai kelayakan di perenggan 6.1;
 - iii. Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - iv. Diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

6.3 Pembantu Pegawai Latihan / Penolong Pegawai Latihan / Pegawai Latihan Gred E3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pegawai Latihan / Penolong Pegawai Latihan / Pegawai Latihan Gred E5 yang kosong apabila telah :

- i. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- ii. Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- iii. Diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.

7. PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA5
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

- 7.1
- i. Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer, atau sijil dalam bidang Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,650.00); atau
 - ii. Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,731.00); atau
 - iii. Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,812.00); atau
 - iv. Diploma Sains Komputer, Diploma Teknologi Maklumat atau Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,974.00); atau

7.2 Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- i. Mempunyai kelayakan di perenggan 7.1; atau
- ii. Had umur pelantikan :
 - a. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - b. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - c. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

8. PENOLONG PUSTAKAWAN GRED S5
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SOSIAL
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

- 8.1
- i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau
 - iii. Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S5: RM1,650.00); atau

- iv. Diploma Pengurusan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,893.00); atau

8.2 Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Pustakawan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pustakawan Gred S5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- i. Mempunyai kelayakan di perenggan 8.1; atau
- ii. Lulus Peperiksaan Khas; dan
- iii. Had umur pelantikan :
 - a. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - b. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - c. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

9. PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV1
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)

- 9.1 i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV1 : RM1,561.00); atau

- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV1 : RM1,622.00).

10. JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT1
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

- 10.1 i. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT1 : RM1,500.00); atau
- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT1 : RM1,561.00); atau
- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT1 : RM1,622.00).

11. PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

Jawatan Pembantu Operasi

Jawatan Pemandu Kenderaan

(Keutamaan kepada calon-calon yang memiliki lesen memandu PSV Bas 7500kg)

- 11.1 i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau

- ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau
- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,561.00); atau
- iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,622.00); dan
- v. Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 8.2).

11.2 Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan / Pengendalian Kren / Pengendalian Dandang / Tugas Menyelamat)

- i. Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
- ii. Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; atau
- iii. Bagi tugas memandu mesin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau

- iv. Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/ Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan logi pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau logi stim/dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
- v. Bagi tugas menyelamatkan, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

12. PENJAGA JENTERA ELEKTRIK GRED J1

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

- 12.1 i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan sekurang-kurangnya Sijil Kekompetenan Kategori AO (Sistem Voltan Rendah) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan di Gred J1 ditetapkan mengikut Kategori Sijil Kekompetenan :

AO / A1 : RM 1,561.00

A4-2 / A4-1 / A4 : RM 1,622.00

BO-2 / BO-1 / BO / B1 / B4 : RM 1,683.00

13. PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP1

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

- 13.1 i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau

- ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
- iii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
- iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,561.00); atau
- v. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,622.00); dan
- vi. Calon perlu mempunyai syarat- syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :
 - a. Tinggi sekurang-kurangnya 1.62m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - b. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - c. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - d. Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

- e. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- f. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- g. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

14. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N1
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

- 13.1 i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- ii. Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau
- iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

TARAF JAWATAN

Kontrak

SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pemohon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PERMOHONAN DAN KAEDAH PELAKSANAAN

1. Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon satu (1) jawatan sahaja.
2. Pemohon hendaklah memohon jawatan berdasarkan kelayakan yang dimiliki **tepat dengan bidang** yang diiklankan.
3. Permohonan hendaklah dibuat secara **dalam talian/online** melalui pautan//link yang sah sahaja seperti berikut:
 - a. Portal rasmi **MARA**: www.mara.gov.my; atau
 - b. Facebook : <https://www.facebook.com/MajlisAmanahRakyat>; atau
 - c. Instagram : <https://www.instagram.com/majlisamanahrakyat>; atau
 - d. X : <https://x.com/maragov>
4. Hanya permohonan dibuat secara **dalam talian/online** melalui pautan//link yang sah sahaja akan diterima. Permohonan lewat atau tidak mematuhi syarat yang dinyatakan akan ditolak.

5. Permohonan akan terbatal sekiranya pemohon didapati memberi maklumat yang salah / tidak benar / manipulasi maklumat dalam borang permohonan. Maklumat-maklumat tersebut akan disemak secara terperinci pada hari temu duga.
6. Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan mengikut kelayakan yang dinyatakan.
7. Semakan pengiktirafan kelayakan sijil / diploma / ijazah sarjana muda / ijazah sarjana / ijazah doktor falsafah boleh dibuat melalui laman web Agensi Kelayakan Malaysia iaitu **www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm**.
8. Pemohon yang melepasi saringan sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temu duga.
9. Mereka yang tidak dihubungi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.
10. Tarikh tutup permohonan iklan jawatan ini ialah pada **20 Februari 2026**.

**PENGARAH
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA MARA
TINGKAT 18, IBU PEJABAT MARA
21, JALAN MARA
50609 KUALA LUMPUR**

